

Bab Tiga

Perpuakan Peringkat Awal Dalam Era Kepemimpinan

Mahathir (1981 – 1988)

Tiga Peringkat Perpuakan Dalam Era Mahathir

Mahathir mengambil-alih teraju kepemimpinan negara daripada Hussein Onn sebagai Perdana Menteri yang ke empat sejak Julai 1981 dan terus memerintah sehingga ke hari ini. Beliau kini merupakan Perdana Menteri Malaysia dan Presiden UMNO yang paling lama berkhidmat dalam sejarah negara ini.

Perpuakan dalam UMNO semasa era Mahathir adalah paling serius berbanding dengan zaman sebelumnya. Secara ringkasnya, perpuakan dalam eranya boleh dibahagikan kepada tiga peringkat:

- 1) 1981- 1988: Jawatan Presiden yang dipegang oleh Mahathir dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah dalam pemilihan UMNO 1987. Tindakan penyokong Razaleigh membawa keputusan pemilihan parti ke Mahkamah menyebabkan UMNO diharamkan;
- 2) 1988 – 1993: Mahathir membina semula UMNO (Baru) dan mengukuhkan kuasa kepemimpinannya melalui pindaan Perlembagaan UMNO. Puak Razaleigh (*Team B*) membentuk parti Semangat 46 dan mencabar kuasa UMNO di pentas politik kebangsaan. Pemecahan *Team B* daripada UMNO juga membuka tirai kerjasama di

antara semua parti pembangkang dalam Pilihan raya umum 1990 dalam bentuk dua perikatan, iaitu Gagasan Rakyat dan Angkatan Perpaduan Ummah (APU). Pada masa yang sama, perpuakan baru muncul dalam UMNO apabila Anwar Ibrahim yang dianggap mewakili generasi muda, membentuk *Team Wawasan* untuk mencabar Ghafar Baba yang mewakili generasi tua pada pemilihan parti 1993. Ini merupakan satu cabaran tidak langsung terhadap Mahathir walaupun pada peringkat awalnya masih tidak kelihatan dan akhirnya Anwar menjadi timbalannya.

3) 1994 – 2000: Pengaruh Anwar semakin meningkat sehingga menggugat kuasa kepemimpinan Mahathir dalam parti dan kerajaan. Perselisihan mereka bertambah buruk selepas krisis ekonomi melanda Malaysia pada Julai 1997. Akhirnya, Anwar dipecat daripada UMNO dan kerajaan pada 3 September 1998 dan kemudian dihukum penjara 15 tahun oleh Mahkamah Tinggi. Pemecatannya mengakibatkan keretakan dalam UMNO dan juga masyarakat Melayu. Penyokong Anwar kemudian membentuk Parti Keadilan Nasional (KeADILan) yang dipimpin oleh isteri Anwar, Wan Azizah Wan Ismail dan bekerjasama dengan parti pembangkang lain dalam dalam satu barisan yang dinamakan Barisan Alternatif (BA) untuk mencabar kuasa BN dan UMNO pada pilihan raya umum 1999. Walaupun BN berjaya mengekalkan majoriti dua pertiganya di dalam Parlimen, tetapi pengaruh Anwar masih nyata dilihat dalam pemilihan UMNO pada Mei 2000, di mana ramai penyokongnya memenangi jawatan ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Peralihan Dalam Latar-Belakang Keahlian UMNO

Sebelum kita meninjau perpuakan dalam tempoh kepemimpinan Mahathir, eloklah kita melihat perubahan dari segi keahlian UMNO dalam tempoh 1980an hingga 1990an.

Peralihan latar-belakang keahlian UMNO ini berlaku selepas DEB diperkenalkan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Banyak keistimewaan dan layanan khas diberi kepada kaum Bumiputera melalui sistem kuota, khususnya dari segi peluang pekerjaan di sektor awam dan peluang pendidikan di universiti tempatan. Sistem diskriminasi positif ini berjaya meningkatkan kedudukan ekonomi dan politik kaum Melayu di samping menghasilkan kelas peniaga sepanjang tahun 1980an. Kebanyakan kelas peniaga ini mempunyai pengalaman perniagaan yang sedikit dan bergantung kepada hubungan mereka dengan pemimpin UMNO untuk mendapat manfaat melalui sistem tender kerajaan.¹²¹

Selain itu, DEB juga menghasilkan segolongan kaum Melayu baru yang menerima pendidikan tinggi di universiti tempatan dan luar negeri melalui tajaan kerajaan. Kebanyakan golongan profesional muda ini merupakan golongan yang berpegang kuat kepada ajaran Islam, mereka disifatkan sebagai ‘Yumpies’ (Young Upwardly-Mobile Muslim Professionals) oleh Gordon Means.¹²² Menurut Means, golongan ini mendapat gaji yang lumayan dalam sektor kerajaan, syarikat kepunyaan Bumiputera

¹²¹ Peter Scars, *The Riddle of Malaysian Capitalism: Rent-seekers or real capitalists?* Australia: Allen & Unwin, 1999, m/s 242-246.

¹²² Gordon P. Means, *Malaysian Politics: The Second Generation*, Singapore: Oxford University Press, 1991, m/s 147.

ataupun perniagaan sendiri. Mereka mempunyai perasaan yang kuat terhadap agama dan identiti kaum. Golongan ini pada masa yang sama bersifat aktif dalam Pemuda UMNO. Mereka merupakan golongan yang mendesak pelaksanaan dasar yang memberi kepentingan kepada Bumiputera yang lebih pesat dalam tahun 1980an.

Sementara itu, pengaruh kakitangan kerajaan dan guru sekolah yang merupakan penyokong tradisi dalam parti semakin menurun akibat kemunculan golongan intelektual muda tersebut atau golongan usahawan lebih-lebih lagi selepas peraturan baru melarang kakitangan kumpulan A menyandang jawatan politik dikuatkuasakan.¹²³ Dengan itu, ketegangan pun wujud di antara generasi baru yang bercita-cita tinggi dan berpendidikan tinggi dengan pemimpin lama yang kurang sofistikated dari segi gaya kepemimpinan dan berpendidikan rendah, sehingga berlakunya konflik di antara generasi tua dan muda dalam struktur politik UMNO. Selain itu, pengaruh golongan korporat juga semakin berkembang dalam parti apabila UMNO mula menubuhkan syarikat sebagai sayap pelaburannya untuk menceburi bidang perniagaan bermula dari tahun 1980an.

3.1 Pertandingan Kuasa Pada 1981

Selepas Mahathir mengambil alih jawatan Hussein Onn pada Perhimpunan Agung UMNO 1981 mengikut tradisi parti, kekosongan jawatan Timbalan Presiden UMNO yang sebelum ini disandang oleh Mahathir telah menyaksikan pertandingan di antara Menteri Pendidikan, Musa Hitam dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah.

¹²³ Kumpulan A di sektor awam merupakan golongan pembuat keputusan di peringkat atasan yang menerima gaji yang tinggi di jabatan kerajaan.

Menurut rakan Razaleigh, Mahathir dan Razaleigh pernah mencapai kesefahaman dengan Razaleigh sebelum Perhimpunan Agung, di mana Razaleigh akan memberi sokongan penuh kepada Mahathir untuk menjadi Presiden UMNO manakala Mahathir akan melantik beliau untuk menjadi timbalannya tanpa melalui proses pertandingan. Malangnya persefahaman itu tidak menjadi realiti, sebaliknya Mahathir membuat keputusan untuk menyokong menyokong Musa Hitam mencabar Razaleigh. Beliau melakukan demikian dengan tujuan mengurangkan sokongan Razaleigh dalam parti.¹²⁴ Pertandingan kuasa ini melahirkan perpuakan yang pertama dalam era Mahathir.

Razaleigh yang merupakan seorang anak Raja dari Kelantan mempunyai hubungan yang baik dengan istana dan kumpulan ahli perniagaan masyarakat Cina, malah beliau dilihat sebagai tokoh yang agak konservatif. Manakala Musa Hitam yang pernah dipecat daripada UMNO bersama-sama dengan Mahathir pada zaman Tunku, adalah seorang rakyat biasa dan mempunyai sokongan yang kuat di negeri lahirnya, Johor. Reputasi Musa sebagai tokoh yang berani berucap atas isu hak Melayu dan imej yang dinamik menyebabkan beliau dilihat sebagai jurucakap bagi generasi Melayu baru yang berpendidikan tinggi dan kosmopolitan.

Dalam pemilihan UMNO tahun itu, walaupun Razaleigh kelihatan mendapat lebih sokongan berbanding dengan Musa Hitam di kalangan perwakilan UMNO, tetapi ucapan Hussein Onn yang memuji Musa Hitam dipercayai telah memusingkan undi para perwakilan sehingga Musa mencapai kemenangan dengan mendapat 722 undi

¹²⁴ Wawancara dengan rakan rapat Tengku Razaleigh pada 26 Mei 2000.

berbanding dengan 517 undi oleh Razaleigh. Dengan itu, Musa pun dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO pertama yang dipilih oleh perwakilan UMNO dan bukannya dilantik oleh Perdana Menteri. Kedua-dua puak Razaleigh dan Musa terus wujud di dalam parti selepas pemilihan kerana kedua-dua pemimpin tersebut masing-masing mempunyai sokongan yang kuat.

Kerajaan 2M: Imej Baru

Kerajaan Mahathir dan Musa digelar sebagai kerajaan 2M oleh media. Gelaran ini menandakan gandingan yang serasi di antara kedua-dua mereka. Selain itu, mereka juga menunjukkan imej kepimpinan baru yang membawa perubahan untuk negara.

Pada peringkat awal Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau membawa beberapa perubahan yang melambangkan polisi alternatif era baru yang bersifat toleransi dan membangkitkan perbincangan umum, termasuk menarik balik pengharaman terhadap buku beliau yang kontroversial, *The Malay Dilemma*. Selain daripada itu, beliau juga berjanji mengkaji semula ISA. Dua minggu selepas Mahathir memegang jawatan Perdana Menteri, beliau membebaskan 21 tahanan yang prominent. Pada Hari Kebangsaan 31 Ogos 1981, beliau telah membebaskan 47 tahanan ISA lagi bersama-sama dengan 239 pesalah yang telah dikenakan hukuman, manakala 513 tahanan ISA masih berada dalam penahanan.¹²⁵ Tindakan pengampunan ini dijalankan mungkin kerana beliau ingin membebaskan beberapa rakannya seperti Abdullah Ahmad yang telah ditahan di bawah ISA hasil daripada komplot pergelutan kuasa UMNO ketika era kerajaan Hussein Onn. Selain itu, beliau juga membebaskan Harun Idris daripada

¹²⁵ Gordon P. Means, *ibid*, m/s 86.

penjara sebagai tanda membala budi kepada Harun yang membawa beliau balik ke pangkuhan UMNO selepas dipecat oleh Tunku.¹²⁶

Langkah lain yang disifatkan sebagai imej baru kerajaan 2M adalah mekanisme untuk mempertingkatkan keberkesanan sektor awam, termasuk perlaksanaan sistem 'punch-card' di semua pejabat kerajaan dan mengkehendaki semua pegawai perkhidmatan awam memakai tag nama, langkah untuk meningkatkan produktiviti di jabatan kerajaan, pemulihan semula Biro Pengaduan Awam dan Badan Pencegah Rasuah.

Pada pilihan raya umum 1982, Mahathir menyuntik kemasukan generasi muda secara besar-besaran sebagai calon UMNO. Hanya 55 peratus Ahli Parlimen lama dan 54 peratus Ahli Undangan Negeri UMNO dicalonkan semula. Kebanyakan muka baru yang dipilih adalah generasi Melayu baru yang menyokong idea dan gagasan politik kepimpinannya. Calon-calon baru ini mempunyai pendidikan yang lebih tinggi dan ramai di antara mereka adalah profesional ataupun peniaga. Bilangan calon yang berlatar-belakang guru dan perkhidmatan awam telah berkurangan. Suntikan darah muda sebagai calon UMNO ini menunjukkan bahawa kepemimpinan 2M cuba membuat perubahan yang senyap tetapi sistematik, untuk membina asas yang stabil bagi kepemimpinan mereka di samping membayangkan perubahan generasi dalam masyarakat Melayu. Selain itu, pertukaran wajah baru ini dilakukan demi menghadapi cabaran PAS yang telah menarik ramai pemuda-pemudi Melayu yang dipengaruhi oleh gerakan kebangkitan Islam dan aliran politik di Asia Tengah. Pengaruh ini jelas dilihat dalam pergerakan politik pelajar dari tahun 1974 sehingga 1976. Pertubuhan

¹²⁶ Mengikut M. G. G. Pillai, Harun Idris pernah mengemukakan satu usul di Majlis Tertinggi UMNO untuk membimbangi Mahathir balik ke pangkuhan UMNO selepas Mahathir dipecat.

yang paling rapat dengan pergerakan politik ini adalah Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) yang dipimpin oleh Anwar Ibrahim.¹²⁷

Anwar Ibrahim Menyertai UMNO

Menjelang pilihan raya umum 1982, Anwar Ibrahim, bekas Presiden ABIM dan bekas pemimpin gerakan pelajar Universiti Malaya yang pernah ditahan di bawah ISA menyertai UMNO. Menurut Means, salah satu sebab Mahathir menjemput Anwar Ibrahim untuk menyertai UMNO adalah kerana elemen “Yumpie” yang semakin berkembang dalam UMNO dan sistem politik Malaysia pada awal 1980an, supaya UMNO boleh mengimbangi pengaruh PAS. Golongan ini merupakan pembela gagasan politik dan dasar kerajaan Mahathir pada masa itu.¹²⁸

Pilihan raya umum diadakan pada 22 April 1982, sembilan bulan selepas kerajaan 2M dibentuk. Kerajaan BN menggunakan slogan ‘Bersih, Cekap dan Amanah’ untuk menonjolkan imej 2M dalam kempen Pilihan raya tersebut. Dalam Pilihan raya itu, BN berjaya mendapat 60.5 peratus undi di seluruh negara, UMNO mencapai kemenangan yang cemerlang dan memenangi 70 daripada 73 kerusi yang ditandinginya.¹²⁹

Kemasukan darah baru secara besar-besaran sebagai calon UMNO menyaksikan kemunculan ramai muka baru dalam sistem pentadbiran kerajaan. Jawatan Menteri

¹²⁷ Gordon P. Means, op.cit., m/s 87.

¹²⁸ Gordon P. Means, op.cit., m/s 148.

¹²⁹ *New Straits Times*, 24 April 1982, m/s 16-19; 27 April 1982, m/s 1-3, 28 April 1982, m/s 1-2. Peratus undi yang diperolehi adalah: DAP 20.3 peratus; UMNO 35.9 peratus; MCA 18.4 peratus; PAS 16.4 peratus. Kerusi DAP jatuh daripada 16 kepada 9 di Parlimen walaupun peratus undi yang

Besar di banyak negeri dipegang oleh muka baru. Di peringkat pusat pula, Mahathir terus memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan; Musa Hitam memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri; Razaleigh dilantik sebagai Menteri Kewangan, Gazalie menjadi Menteri Luar Negeri, manakala Anwar Ibrahim diberikan tanggungjawab untuk menguruskan Jabatan Hal Ehwal Islam di Jabatan Perdana Menteri sebagai timbalan menteri.

Selepas itu, Mahathir pun melaksanakan siri dasar baru termasuk: pembaharuan DEB untuk mempercepatkan program ‘penstruktur semula’ dasar tersebut; Dasar Membeli Barang Britain Akhir (‘Buy British Last’ policy); Dasar Pandang ke Timur yang melihat Negeri Jepun dan Korea sebagai negara contoh; Dasar Perindustrian, Dasar Penswastaan dan Dasar Islamisasi. Banyak projek yang diadakan merupakan buah fikiran Mahathir. Beliau kelihatan meneruskan projek-projek tersebut tanpa memperdulikan kritikan daripada anggota kabinet yang lain.

Anwar merupakan ‘bintang’ yang naik begitu pantas sekali dalam UMNO dengan sokongan daripada Mahathir. Selain daripada memenangi kerusi Parlimen dan memegang jawatan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau juga membina jaringan sokongannya dan berjaya menewaskan Suhaimi Kamaruddin dan dipilih sebagai Ketua Pemuda UMNO pada Perhimpunan Agung Pemuda UMNO September 1982. Beliau menang dengan mendapat hanya 183 undi berbanding 173 undi yang diperolehi Suhaimi.¹³⁰ Walau bagaimanapun, kemenangannya juga disebabkan oleh sokongan daripada beberapa pemimpin UMNO seperti Mahathir,

diperolehinya bertambah berbanding pada pilihan raya 1978. Salah satu sebab kekalahan DAP adalah kerana beberapa tokoh pendidikan Cina menyertai Gerakan dan bertanding dalam pilihan raya itu.

¹³⁰ *Asiaweek*, 24 September 1982, m/s 16.

Musa, Razaleigh, Harun Idris dan lain.¹³¹ Kemenangannya itu secara zahirnya telah mengukuhkan kedudukannya dalam parti sebagai pemimpin pelapis UMNO.

Krisis Raja-raja

Isu yang paling kontroversial dan menguji kepemimpinan Mahathir berlaku dua tahun selepas beliau memegang jawatan Perdana Menteri, iaitu krisis Raja-raja Melayu. Perlembagaan Persekutuan Malaysia menetapkan Raja-raja Melayu mempunyai hak untuk membela sesetengah perkara mengenai hak Melayu dan ‘persetujuan’ sultan-sultan di setiap negeri dan Yang di-Pertuan Agong diperlukan untuk memperkenankan undang-undang yang telah dilulus di Parlimen. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Persekutuan tidak mempunyai peruntukan jelas yang mengkehendaki Raja-raja untuk mengikut nasihat kabinet dan tiada peruntukan mengenai bila baginda boleh melakukan keputusan secara sendiri.¹³²

Konflik di antara Kerajaan Persekutuan dan Raja-raja bermula dengan beberapa sultan campurtangan dalam pembentukan kabinet negeri dan isu mengenai pengurniaan dan perluputan pingat Diraja.¹³³ Selepas itu, Kerajaan Persekutuan dan Raja-raja tidak sehaluan tentang isu penentuan tarikh untuk Hari Raya Aidilfitri. Sultan Perak dan Johor menarik diri daripada Jawatankuasa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam dan menggunakan autonomi mereka untuk menetapkan tarikh Hari Raya yang berlainan daripada jawatankuasa tersebut di negeri masing-masing, sehingga mengelirukan

¹³¹ Menurut Shahrir Samad dalam wawancara pada 6 Julai 2000, Harun Idris menyokong Anwar kerana marah terhadap anak saudaranya yang telah mencabar Harun dalam perebutan jawatan Ketua Pemuda UMNO semasa beliau berada di dalam penjara.

¹³² Gordon P. Means, *ibid*, m/s 113.

¹³³ Pada tahun 1978, Sultan Pahang membantah calon Menteri Besar yang dilantik oleh Hussein Onn, Sultan Johor memaksu Menteri Besar Johor yang telah berkhidmat selama 14 tahun untuk meletakkan jawatan dan dua orang Menteri Besar terpaksa meletakkan jawatan mereka atas bantahan Sultan Perak.

masyarakat Melayu terhadap tarikh yang paling penting ini. Selain daripada itu, kekayaan Raja-raja yang terlampau, gaya kehidupan mereka yang terlalu mewah dan kelakuan mereka yang mencabuli undang-undang telah mengundang kritikan umum.

Memandangkan kedua-dua sultan yang degil dan sukar diramal ini akan bergilir menyandang jawatan YDP Agong, Mahathir membuat keputusan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan demi mengurangkan kuasa Raja-raja, kononnya untuk memberi penjelasan terhadap peranan Raja-raja, untuk mengelakkan konflik yang mungkin berlaku di antara kerajaan Persekutuan dan Raja-raja pada masa hadapan. Dengan kata lain, pindaan Perlembagaan ini memindahkan kuasa simbolik dan sebenar YDP Agong kepada Perdana Menteri pada tahap kebangsaan, manakala mengalihkan kuasa daripada Sultan kepada Menteri Besar di peringkat negeri.¹³⁴

Pindaan Perlembagaan ini mendapat liputan terhad dalam akhbar tempatan sebelum ia dibentangkan di Parlimen atas arahan Mahathir. Isu yang kontroversial ini tidak dilaporkan oleh media tempatan selama dua bulan, ia kemudian disebarluaskan melalui jurnal asing dan khabar angin.

Pindaan Perlembagaan ini mendapat bantahan yang kuat daripada Persidangan Raja-raja.¹³⁵ Puak Golongan Tua dalam UMNO kemudian berpihak kepada Raja-raja. Senu

¹³⁴ Pindaan Perlembagaan yang mengandungi 22 pindaan dibentangkan di Parlimen tanpa perundingan awal dengan Majlis Peguam dan Kementerian Kehakiman. Cadangan 22 pindaan Perlembagaan ini memperuntukkan bahawa Rang Undang-Undang Parlimen yang gagal untuk mendapat persetujuan Raja-raja selepas 15 hari boleh diwartakan tanpa memerlukan persetujuan Diraja. Selain itu, kuasa untuk mengumumkan darurat dipindah daripada Agong kepada Perdana Menteri tanpa perlu merujuk kepada Kabinet ataupun Parlimen, dan Parlimen ditegalkan daripada menyoal pengumuman darurat yang tiada tempoh had dan merujuk kepada proses kehakiman.

¹³⁵ Persetujuan gagal dicapai dalam mesyuarat Persidangan Raja-raja yang diadakan di Kota Kinabalu pada 12 Oktober 1983 yang dihadiri oleh Mahathir dengan Raja-raja Melayu. Selain itu, apabila YDP Agong mengidapi sakit jantung dan dimasukkan ke hospital pada 27 September, Timbalan YDP Agong pada masa itu enggan menjalankan tugas baginda selagi isu itu tidak diselesaikan. Dengan itu, kedua-

Abdul Rahman, bekas Menteri Penerangan dalam kabinet Tunku Abdul Rahman mengadakan sidang akhbar dan membidas tindakan kerajaan dalam isu ini. Pandangan beliau tidak dilaporkan oleh media tempatan tetapi disiarkan oleh media asing. Beliau juga mengemukakan surat terbuka yang mengkritik pindaan perlembagaan dan cara Mahathir membuat keputusan tersebut secara sembarang dan berkonfrontasi. Tunku kemudian turut membidas kenyataan ‘tidak ada krisis’ yang dibuat oleh Mahathir, beliau memberi penjelasan mengenai isu ini dan mencadangkan cara kompromi untuk menyelesaikan krisis politik ini, tetapi cadangan beliau tidak disambut oleh kedua-dua pihak.

Kedua-dua pihak kemudian mengadakan kempen untuk mendapat sokongan dan menunjukkan sokongan publik masing-masing. Perhimpunan secara besar-besaran untuk memberi sokongan kepada Raja-raja diadakan di Kelantan dan Terengganu yang kononnya melibatkan Razaleigh yang mempunyai hubungan darah dengan kerabat Diraja Kelantan. Pada masa yang sama, perhimpunan besar-besaran yang pro-Mahathir dianjurkan oleh UMNO di Alor Setar dan juga di Seremban, Johor Bahru dan Kuching.¹³⁶ Isu ini telah membahagikan pucuk pimpinan UMNO kepada dua puak, iaitu puak Razaleigh yang berpihak pada Raja-raja dan puak Mahathir-Musa yang ingin mengurangkan kuasa Raja-raja.

dua Rang Undang-undang Bekalan untuk 1984 dan Persempadan Konstituensi yang penting pun terpaksa ditangguh.

Barisan ‘Setia’ Dan ‘Tidak Setia’ Dalam Kabinet

Apabila ketegangan di antara Raja-raja dan Kerajaan BN meningkat, Mahathir pun memanggil mesyuarat kabinet dan menghendaki setiap anggota kabinet untuk menyatakan pendirian mereka terhadap pindaan Perlembagaan. Selepas itu, seorang jurucakap kerajaan pun mendedahkan senarai anggota Kabinet yang ‘setia’ dan ‘tidak setia’. Pemimpin UMNO yang ‘setia’ kepada cadangan Mahathir adalah Adib Adam, Anwar Ibrahim, Rais Yatim, Rafidah Aziz, Sanusi Junid, Abdullah Badawi dan Shahrir Samad, mereka digelar sebagai ‘*Magnificent Seven*’.¹³⁷ Anggota kabinet yang ‘tidak setia’ adalah Razaleigh, Ghazali Shafie, Aishah Ghani, Abdul Manan Othman dan Tengku Ahmad Rithaudeen.¹³⁸ Senarai ini menunjukkan bahawa kesemua ‘golongan veteran’ dalam UMNO berdiri di belakang Razaleigh, manakala ‘Orang Muda’ termasuk Pemuda UMNO yang diketuai oleh Anwar Ibrahim memberi sokongan padu kepada Mahathir dalam isu ini.¹³⁹ Senarai tersebut membayangkan permulaan keretakan UMNO dan pertukaran kepimpinan pada tahap tertinggi.

Isu konflik dengan Raja-raja ini akhirnya selesai dengan kelulusan satu pindaan Perlembagaan yang disetujui oleh kedua-dua pihak di Parlimen pada 9 Januari 1984. Walaupun puak Mahathir-Musa kelihatan ‘menang’ dalam pertarungan kuasa dengan Raja-raja ini, tetapi isu ini bukan sahaja telah mengakibatkan pemecahan di antara Raja-raja dan Mahathir, tetapi juga di dalam UMNO dan masyarakat Melayu. Raja-

¹³⁶ Setiap perhimpunan raksaka ini dihadiri oleh 15,000 sehingga 100,000 orang. Media tempatan selalu melaporkan angka yang lebih besar dalam perhimpunan raksaka yang pro-kerajaan manakala media asing melaporkan kehadiran yang agak sama dalam perhimpunan raksaka kedua-dua pihak.

¹³⁷ Wawancara dengan Shahrir Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

¹³⁸ Far Eastern Economic Review, 22 Disember 1983, m/s 16-18; wawancara dengan Shahrir Samad di Kuala Lumpur pada 6 Julai 2000.

¹³⁹ Dalam suatu mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pemuda UMNO pimpinan Anwar Ibrahim, suatu resolusi diluluskan untuk mendesak Kerajaan supaya mewartakan Rang Undang-undang dan pindaan tanpa persetujuan Raja-raja dan biarkan Raja-raja untuk mencabar kerajaan di dalam Mahkamah jika mereka hendak. Cadangan tersebut tidak diterima oleh

raja Melayu dan pengikut mereka merasa kecewa dan terperanjat di atas tindakan kerajaan. Imej mereka yang diburukkan oleh media tempatan yang ketat dikawal oleh kerajaan.¹⁴⁰ Bagi UMNO, isu ini lebih dilihat sebagai kemenangan puak Musa terhadap puak Razaleigh, selain daripada pengukuhan kedudukan Mahathir dan Musa di dalam parti.

Selepas pindaan Perlembagaan yang kontroversial ini diluluskan di Parlimen, pemilihan YDP Agong yang baru pun diadakan pada 31 Januari 1984. Pada masa itu, Sultan Perak sepatutnya menjadi YDP mengikut giliran, tetapi baginda mangkat akibat sakit jantung 10 hari sebelum pemilihan ini. Dengan itu, Sultan Johor yang terkenal dengan sikap keras kepala dan perangai kasar pun dipilih sebagai YDP Agong baru dalam mesyuarat Persidangan Raja-raja pada 9 Februari 1984, manakala Sultan Perak yang baru, Raja Azlan Shah, bekas Ketua Hakim Negara, dipilih sebagai Timbalan YDP Agong.

3.2 Pertandingan Kuasa Pada 1984

Razaleigh tetap mencabar Musa Hitam untuk kali yang kedua tanpa mempedulikan nasihat Mahathir pada pemilihan UMNO 25 Mei 1984. Kedegilan Razaleigh untuk melawan Musa dilihat sebagai cabaran terhadap Mahathir daripada cabaran terhadap Musa. Musa mempertahankan jawatannya dengan penuh kesulitan kerana beliau tidak begitu kaya berbanding dengan Razaleigh. Tahap politik wang dalam kempen tersebut lebih meningkat berbanding dengan pemilihan 1981. Razaleigh dikatakan menggunakan jawatan Menteri Kewangan untuk memberi naungan demi mendapat

Mahathir tetapi beliau berkata akan mempertimbangkan cadangan ini. Rujuk: *Far Eastern Economic Review*, 15 Disember 1983, m/s 14-15.

sokongan, manakala puak Musa tidak mampu berbuat demikian. Beliau hanya mendapat sokongan terbuka daripada Mahathir. Akhirnya Musa menang dengan 774 undi berbanding dengan 501 undi yang diperolehi oleh Razaleigh, dan pencabar ketiga Harun Idris memperolehi 34 undi sahaja.

Keputusan pemilihan menunjukkan Razaleigh masih mendapat sokongan yang sama banyak seperti dalam pemilihan yang lepas, iaitu 35 hingga 40 peratus daripada perwakilan UMNO. Musa masih gagal mengalah sokongan Razaleigh kepadanya. Means menyifatkan pertandingan terhadap jawatan Timbalan Presiden UMNO ini merupakan suatu pertunjukan kuasa bayangan di antara puak konservatif dan puak liberal, ataupun di antara puak yang setia kepada Raja-raja dan puak yang setia kepada Mahathir pada tahap yang tertentu.¹⁴¹

Dalam rombakan kabinet selepas pemilihan UMNO tersebut, negara buat pertama kalinya melihat kemunculan tokoh perniagaan Melayu , Daim Zainuddin, yang juga sahabat karib Mahathir dari Kedah yang tidak pernah aktif dalam politik dilantik sebagai Menteri Kewangan. Ketua Pemuda UMNO, Anwar Ibrahim dialih daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kepada Kementerian Pertanian. Abdullah Badawi memegang jawatan Menteri Pendidikan, Musa Hitam menjadi Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dan Mahathir mengekalkan dua portfolio beliau, iaitu Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan.

Mahathir kelihatan ingin mengukuhkan autoritinya yang telah dilemahkan dalam krisis Perlembagaan melalui rombakan kabinet. Hampir semua menteri kabinet yang

¹⁴⁰ Gordon P. Means, op.cit., m/s 118.

¹⁴¹ Gordon P. Means, op.cit., m/s 119.

bukan dalam senarai ‘setia’ dalam isu pindaan Perlembagaan digantikan dengan orang yang kelihatan lebih menyokong tindakan Mahathir. Selain daripada itu, Majlis Tertinggi UMNO juga dirombak semula untuk mengeluarkan mereka yang mempunyai kesetiaan yang dipersoalkan dalam krisis pindaan Perlembagaan, termasuk tokoh Puak Golongan Tua seperti Ghazali Shafie dan Aishah Ghani.¹⁴²

Walaupun Razaleigh didakwa terlibat dalam penganjuran demonstrasi bagi pihak Raja-raja dan mencabar Musa kemudian, beliau tidak dipecat daripada kabinet seperti nasib yang menimpa Puak Golongan Tua. Jawatannya dalam kabinet hanya ditukar daripada Menteri Kewangan kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang kurang penting berbanding dengan jawatan sebelumnya. Beliau juga hilang jawatan sebagai Bendahari UMNO. Mahathir masih mahu mengekalkan Razaleigh dalam kabinet kerana keputusan pemilihan UMNO menunjukkan Razaleigh tetap menikmati sokongan yang padu daripada para perwakilan UMNO dan juga untuk mengimbangi pengaruh Musa dalam kerajaan.

Mengikut wawancara yang dijalankan oleh In-won Hwang dengan Musa, terdapat persetujuan yang tidak tertulis di antara Mahathir dan Musa, di mana Razaleigh akan dikeluarkan daripada senarai kabinet dan tidak diberi apa-apa jawatan dalam UMNO sekiranya beliau gagal menewaskan Musa dalam tahun 1984, tetapi persetujuan ini tidak dipatuhi oleh Mahathir selepas pemilihan UMNO. Musa percaya tujuan Mahathir mengekalkan Razaleigh adalah kerana Mahathir ingin membuka jalan kepada Razaleigh untuk melancarkan cabaran yang ketiga terhadapnya (Musa) dalam tahun 1987, dengan itu, pengaruh Musa yang semakin meningkat di dalam parti pun

¹⁴² *New Straits Times*, 26 Mei 1984, m/s 1-3, 12-13, dan 17; Gordon P. Means, op.cit., m/s 119.

dapat diimbangkan.¹⁴³ Pengekalan Razaleigh di dalam kabinet merupakan permulaan keretakan di antara Mahathir dan Musa.

Musa Hitam Meletakkan Jawatan

Selepas itu, munculnya khabar angin mengenai perselisihan di antara Mahathir dan Musa tetapi ia dinafikan oleh kedua-dua pihak.¹⁴⁴ Pada 27 Februari 1986, Musa Hitam tiba-tiba mengumumkan perletakan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO dengan tarikh berkuatkuasa bermula 16 Mac 1986. Surat perletakan jawatannya kepada Mahathir diedarkan di kalangan anggota Majlis Tertinggi UMNO pada mulanya, kemudian dijadikan ‘surat layang’ dalam UMNO dan disebarluaskan di kalangan orang ramai. Salinan fotostat keluhan Musa tersebut malah dijual dengan harga RM50 di pasaran ‘bawah tanah’.¹⁴⁵

Dalam surat tersebut, Musa menjelaskan bahawa dalam mesyuarat Majlis Tertinggi pada 15 Januari 1986, Mahathir berkata bahawa terdapat orang membuat jenaka berkenaan dirinya, memfitnah beliau sebagai ‘diktaktor, orang yang korup, dan di antara orang yang paling kaya di dunia.’ Apabila Musa menanya beliau selepas itu, Mahathir mengakui bahawa beliau merujuk tuduhannya itu kepada Musa. Beliau tidak percaya penjelasan Musa walaupun Musa menafikan dakwaan tersebut, dan Mahathir selalu berkata bahawa ‘terlalu ramai pegawai kerajaan dan wartawan tua’ melaporkan

¹⁴³ Hwang, In-won, "Mahathir's Strategies towards Regime Maintenance within UMNO Circles: Changes within Continuity", kertas kerja yang dibentangkan dalam Second International Malaysian Studies Conference, University of Malaya, Kuala Lumpur, 2-4 August 1999.

¹⁴⁴ *Far Eastern Economic Review*, 10 Oktober 1985, m/s 15; 13 Mac 1986, m/s 10 – 12.

¹⁴⁵ *Far Eastern Economic Review*, 20 Mac 1986, m/s 18.

kepadanya mengenai kata-kata buruk yang diluahkan oleh Musa.¹⁴⁶ Selain itu, surat tersebut juga menyentuh tentang pergaluhan di antara Mahathir dengan beliau pada 27 Januari 1986 sebelum Musa pergi ke Davos, Switzerland, di mana Mahathir melempar tuduhan yang serius terhadap Musa dan menyalahkan pengikut Musa yang cuba mencemarkan nama baik beliau.

Dalam surat tersebut, Musa mempertahankan dirinya daripada semua tuduhan tersebut. Beliau mengakui bahawa beliau pernah menyoal Mahathir mengenai setengah dasar dan cara perlaksanaan dasar-dasar ini dalam mesyuarat. Beliau juga berkata bahawa beliau telah bosan dengan 'politik wang' dan penyalahgunaan kuasa demi kepentingan politik dalam parti. Musa berkata bahawa beliau tidak ada cara lain melainkan meletakkan jawatan.¹⁴⁷

Selain daripada apa yang disebutkan dalam surat itu, terdapat ura-ura yang mengatakan bahawa Musa tidak puas hati tentang pemusatan kuasa dalam 'kabinet dapur' kecil yang membuat keputusan dasar penting tanpa kehadiran beliau. Anggota dalam kumpulan kecil ini adalah Mahathir, Daim Zainuddin, Anwar Ibrahim dan Sanusi Junid. 'Kabinet dapur' ini juga digelar sebagai 'AIDS' (mengikut huruf pertama nama-nama tersebut) oleh sesetengah pihak di dalam UMNO pada masa itu.¹⁴⁸ Walau bagaimanapun, Musa Hitam menafikan khabar angin tersebut. Beliau

¹⁴⁶ Dalam wawancara dengan Shahrir Samad pada 6 Julai 2000, beliau berkata Daim merupakan orang yang membawa wartawan dan saksi kepada Mahathir untuk membuktikan kesemua dakwaan dan jenaka yang kononnya dibuat oleh Musa.

¹⁴⁷ Ruhanie Haji Ahmad, *Musa Hitam: Serene In The Storm*, Petaling Jaya: Media Indah Sdn. Bhd., 1987, m/s 44-54.

¹⁴⁸ Ranjit Gill, *The UMNO Crisis*, Singapore: Sterling Corporate Services, 1988, m/s 4-8; wawancara dengan Shahrir Samad pada 6 Julai 2000.

berkata ‘AIDS’ hanya merupakan salah satu jenaka pada masa itu, dan bukan sebab beliau meletakkan jawatan.¹⁴⁹

Seorang tokoh UMNO memberitahu *Far Eastern Economic Review*, selepas Musa meletak jawatan, Mahathir membuka failnya dan menunjukkan surat letak jawatan yang dihantar oleh Musa pada tahun 1984, yang menyatakan surat itu berkesan setahun kemudian sekiranya Mahathir tidak mengeluarkan Razaleigh daripada kabinet.¹⁵⁰ Laporan ini menunjukkan perletakan jawatan Musa juga berkait dengan cara Mahathir mengendalikan masalah di antara Musa dengan Razaleigh.

Sebagai balasan terhadap surat Musa yang telah luas disebarluaskan, penyokong Mahathir pun menggunakan taktik yang sama dan mengedarkan surat yang bertandatangan ataupun tanpa tandatangan mereka di kalangan orang ramai. Surat-surat tersebut menceritakan perkara yang bertentangan dengan isu kandungan surat Musa. Mereka mengkritik Musa tidak mengenang budi kerana Mahathir memberi sokongan penuh kepadanya dalam pemilihan UMNO 1984, dan Mahathir menerima kesemua senarai calon Musa dalam rombakan kabinet pada Julai 1984.¹⁵¹

Sebenarnya, Musa telah menunjukkan bahawa beliau seorang pakar taktik semasa beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau telah membuat beberapa keputusan yang disambut baik oleh orang awam semasa Mahathir berada di luar negeri. Ini termasuk mengiktiraf PBS yang menang dalam pilihan raya Negeri Sabah sebagai kerajaan baru; penempatan semula tempat buangan sisa radioaktif Papan dan menghantar polis ke Kampong Memali untuk menangani kumpulan

¹⁴⁹ Wawancara dengan Musa Hitam diadakan pada 27 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

¹⁵⁰ *Far Eastern Economic Review*, 20 Mac 1986, m/s 17-18.

pelampau dalam PAS.¹⁵² Menurut Shahrir Abdul Samad, pengikut Musa dan bekas menteri kabinet, Mahathir memang bimbang pengaruh Musa yang semakin meningkat di dalam politik yang mungkin akan mencabar autoritinya nanti, jadi beliau pun mewujudkan keadaan untuk memaksa Musa meletakkan jawatan.¹⁵³

Dalam wawancara yang disiarkan dalam sebuah akhbar Indonesia, *Kompas*, Mahathir membuat kenyataan yang menyentuh Musa secara tidak langsung. Beliau dilaporkan berkata bahawa sistem perwarisan sedia ada yang mengelakkan pertandingan terhadap jawatan tertinggi adalah paling baik untuk Malaysia, tetapi sistem tersebut memerlukan kesabaran daripada penjawat nombor dua. Beliau juga berkata Razak menunggu 13 tahun sebelum beliau mengambil-alih jawatan daripada Tunku.¹⁵⁴ Wawancara tersebut pun jelas menunjukkan bahawa masalah di antara Mahathir dan Musa adalah berpuncu daripada soal perebutan kuasa nombor satu dalam kerajaan dan UMNO. Perletakan jawatan Musa juga merupakan taktik beliau untuk menyusahkan Mahathir dan memaksa beliau melepaskan jawatan, kerana Musa mempunyai pengaruh yang tinggi dan terdapat ketidakpuasan yang meluas terhadap gaya kepemimpinan Mahathir dalam kabinet dan UMNO.

Selepas Musa meletakkan jawatan, beliau telah berangkat ke Jeddah untuk menunaikan umrah dan kemudian bercuti ke England. Mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi UMNO pada 28 Februari 1986 memutuskan untuk menghantar suatu rombongan yang terdiri daripada empat orang Menteri Besar ke London untuk

¹⁵¹ *Far Eastern Economic Review*, 20 Mac 1986, m/s 17-18.

¹⁵² Ranjit Gill, *The UMNO Crisis*, Singapore: Sterling Corporate Services, 1988, m/s 4.

¹⁵³ Wawancara dengan Shahrir Abdul Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

¹⁵⁴ *Far Eastern Economic Review*, 20 Mac 1986, m/s 17-18.

memujuk Musa.¹⁵⁵ Akhirnya, rombongan Menteri Besar ini berjaya memujuk Musa untuk mengekalkan jawatan Timbalan Presiden UMNO dan kerusi Parlimen.¹⁵⁶ Pengekalan kerusi Parlimen dan jawatan parti memberi peluang kepada Musa untuk mengekalkan sokongannya di dalam UMNO dan terus aktif dalam UMNO dengan profil yang rendah. Sokongan Musa Hitam di dalam parti bukan sahaja daripada negeri asal beliau, Johor sahaja, tetapi juga daripada sekumpulan pemimpin UMNO yang utama, termasuk Shahrir Abdul Samad, Muhyiddin Yassin, Abdul Ajib Ahmad, Adib Adam dan Abdullah Badawi.¹⁵⁷

Selepas Musa Hitam meletakkan jawatan, Mahathir melantik Naib Presiden UMNO, Ghafar Baba untuk mengisikan kekosongan jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 10 Mei 1986. Selain itu, Mahathir sendiri mengambil-alih jawatan Menteri Dalam Negeri yang dipegang oleh Musa. Ini menunjukkan kementerian tersebut dianggap semakin penting oleh beliau. Dalam rombakan ini, penyokong Musa yang kuat, Abdullah Badawi dialih daripada Kementerian Pendidikan ke Kementerian Pertahanan, manakala penyokong Mahathir, bekas Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Sanusi Junid ditukar menjadi Menteri Pertanian; Anwar Ibrahim dialih daripada Kementerian Pertanian ke Kementerian Pendidikan. Peralihan jawatan

¹⁵⁵ Anggota rombongan ini termasuk – Naib Presiden selaku Menteri Besar Terengganu, Datuk Wan Mokhtar Ahmad; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ahmad yang merupakan penyokong Musa; Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ramli Ngah Talib; dan Naib Ketua Pemuda UMNO selaku Menteri Besar Pahang, Datuk Najib Tun Razak. Mereka diiringi oleh Datuk Haji Redzuan, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah, Pengurus Tetap UMNO Malaysia selaku Ketua Bahagian Muar UMNO, dan Sulaiman Aris. Baca: Ruhanie Haji Ahmad, op.cit., m/s 78.

¹⁵⁶ Adalah sukar untuk menentukan samada Mahathir ingin mengekalkan Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO. Mengikut Shahrir Samad, Mahathir meluahkan kesedihannya dan menangis di dalam mesyuarat Majlis Tertinggi tersebut, tetapi beliau hanya berkeinginan untuk mengekalkan Musa sebagai Timbalan Presiden UMNO dan bukannya Timbalan Perdana Menteri. Alasannya adalah jawatan Timbalan Presiden adalah jawatan yang dipilih oleh perwakilan parti manakala jawatan Timbalan Perdana Menteri adalah jawatan yang dilantik oleh Mahathir. Walau bagaimanapun, Musa Hitam berkata dengan penulus dalam pertemuannya dengan rombongan Menteri Besar, mereka menyuruh beliau mengekalkan kedua-dua jawatan tetapi beliau hanya membuat keputusan untuk mengekalkan jawatan Timbalan Presiden UMNO selepas rombongan ini pulang dan berbincang dengan pengikut rapatnya dari Johor, iaitu Datuk Abdul Ajib Ahmad, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah dan Datuk Haji Redzuan. Merekalah yang berjaya memujuk beliau mengekalkan jawatan Timbalan Presiden UMNO pada akhirnya.

¹⁵⁷ Far Eastern Economic Review, 13 Mac 1986, m/s 10; 20 Mac 1986, m/s 18; 27 Mac 1986, m/s 16; Gordon P. Means, op.cit., m/s 175.

Anwar dianggap sebagai ‘kenaikan pangkat’ oleh banyak pihak kerana Kementerian Pendidikan merupakan portfolio yang dianggap sangat penting dan berpotensi untuk terus maju dalam politik, dan tiga daripada empat bekas Perdana Menteri pernah memegang jawatan tersebut. Selepas itu, Anwar yang telah lama dianggap sebagai ‘*blue-eyed boy*’ Mahathir pun semakin dilihat sebagai bakal pengganti beliau. Salah satu sebab Mahathir tidak memecat penyokong Musa daripada kabinet, seperti Abdullah Badawi, Shahrir Samad, Adib Adam mungkin kerana beliau tidak ingin menyentuh bekas timbalannya secara terbuka supaya tidak kehilangan sokongan daripada kuasa asas Musa di Johor.¹⁵⁸

Rombakan kabinet dan perlantikan baru ini kelihatan adalah keputusan Mahathir sendiri dan bukannya keputusan Majlis Tertinggi. Adalah dipercayai bahawa sebab utama Mahathir memilih Ghafar Baba sebagai timbalannya dan bukan dua Naib Presiden yang lain, iaitu Abdullah Badawi dan Wan Mokhtar adalah kerana beliau memerlukan seorang pemimpin yang lebih tua dan setia di dalam parti untuk menenangkan keadaan yang agak kecoh selepas perletakan jawatan Musa. Ghafar merupakan pemimpin dan Ahli Undangan Negeri yang paling lama di antara tiga Naib Presiden pada masa itu. Selain itu, beliau juga rapat dengan ahli-ahli akar-umbi, khususnya beliau berasal daripada bahagian selatan Semenanjung Malaysia dan ini boleh membantu Mahathir untuk mendapatkan sokongan ahli-ahli UMNO kepadanya. Selain itu, Mahathir juga memerlukan seorang yang tidak mempunyai personaliti dan ciri yang kuat untuk menjadi timbalannya, supaya beliau boleh melaksanakan dasar yang dikehendakinya.

¹⁵⁸ Far Eastern Economic Review, 22 Mei 1986.

Penyokong Musa Diketepikan

Pilihan raya umum 1986 diadakan pada 2 dan 3 haribulan Ogos 1986 dan kerajaan BN sekali lagi mengekalkan majoriti dua pertiga di Parlimen, walaupun jumlah undi popular BN jatuh daripada 60.4 peratus pada 1982 ke 55.8 peratus pada tahun 1986, tetapi undi UMNO dalam pilihan raya itu meningkat sebanyak 10.18 peratus.¹⁵⁹ Selain itu, ia juga berjaya memenangi 83 daripada 84 kerusi Parlimen yang ditandinginya.

Dalam rombakan kabinet selepas pilihan raya umum itu, selain daripada pengekalan jawatan Mahathir dan Ghafar sebagai pemimpin Nombor 1 dan 2,¹⁶⁰ Mahathir juga meletakkan penyokong rapatnya dalam jawatan yang penting, khususnya bekas setiausaha politiknya, Megat Junid Megat Ayub yang dilantik menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri. Jawatan penyokong rapatnya yang lain seperti Daim, Anwar dan Sanusi Junid juga masing-masing dikekalkan. Walau bagaimanapun, penyokong Musa Hitam menghadapi nasib yang berlainan. Mereka samada dipindah daripada kerajaan negeri ke pusat supaya aktiviti mereka boleh diawasi, ataupun dialih ke kementerian yang lebih rendah profilya. Misalnya, bekas Menteri Besar Johor, Abdul Ajib Ahmad yang telah kuat membina sokongan terhadap Musa, dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, supaya Mahathir dapat mengurangkan pengaruh Musa di Negeri Johor. Sementara itu, penyokong Musa yang lain, Menteri Besar Negeri Pahang, Najib Tun Razak dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia

¹⁵⁹ Jumlah undi BN jatuh daripada 60.4 peratus pada 1982 ke 55.8 peratus pada tahun 1986. Walau bagaimanapun, BN telah memenangi 83 peratus kerusi Parlimen. Daripada peratus pertambahan undi, undi UMNO meningkat 10.18 peratus, DAP mendapat undi 22.7 peratus dan PAS memperolehi undi sebanyak 16.91 peratus manakala undi MCA jatuh sebanyak 13.11 peratus. Lihat *Far Eastern Economic Review*, 21 Ogos 1986, m/s 13-14; Gordon P. Means, ibid, m/s 187.

dan Sukan. Dengan itu, asas sokongan Musa di bahagian selatan dan tengah Semenanjung pun dilemahkan. Selain itu, seorang penyokong Musa yang terkenal, iaitu bekas Menteri Wilayah Persekutuan Shahrir Abdul Samad ditukar kepada jawatan Menteri Kebajikan dan Masyarakat,¹⁶¹ manakala penyokong Musa di Melaka, Adib Adam tidak dilantik semula sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Luar Bandar. Rombakan ini menunjukkan keinginan Mahathir untuk mengukuhkan kuasanya di dalam parti dan pada masa yang sama menghalang kepulangan Musa dalam kepimpinan parti.¹⁶²

3.3 ‘Ribut Taufan’ Dalam Pemilihan UMNO 1987

Dalam tahun 1980an, banyak parti komponen utama dalam BN menghadapi pergaduhan dalaman yang serius tetapi UMNO kelihatan lebih bebas daripada perpuakan yang keterlaluan. Menurut Means, selain daripada kepemimpinan yang kuat oleh para bekas Perdana Menteri, banyak konflik juga diselesaikan melalui pengagihan naungan oleh pemimpin UMNO.¹⁶³

Penganalisaan Keadaan Politik UMNO Sebelum 1987

Boleh dikatakan bahawa secara umumnya UMNO melaksanakan proses pemilihan yang demokratik dan terbuka. Para ahli mempunyai kebebasan untuk bertanding mana-mana jawatan di dalam parti, baik pada tahap cawangan ataupun pada tahap

¹⁶⁰ Ghafar memegang tiga jawatan dalam kabinet, iaitu Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

¹⁶¹ Kementerian Wilayah Persekutuan dihapuskan oleh Mahathir. Bidang kuasanya dimasukkan dalam Jabatan Perdana Menteri.

¹⁶² *Far Eastern Economic Review*, 21 Ogos 1986, m/s 13-14.

¹⁶³ Gordon Means, op.cit., m/s 199-200.

Majlis Tertinggi. Pertandingan kuasa yang berlaku pada pemilihan UMNO selalunya disiarkan di media dan menarik tumpuan seluruh negara. Oleh kerana pemimpin UMNO yang menang dipilih selalunya memegang jawatan yang penting dalam kerajaan, maka proses pemilihan dan perbahasan di Perhimpunan Agung parti itu pun merupakan forum politik yang paling berkuasa di negara.

Setelah Mahathir menerajui kepemimpinan UMNO, prosedur demokratik dalam parti kelihatan dikuatkan dengan adanya pertandingan terhadap jawatan Timbalan Presiden pada tahun 1981 dan 1984, yang melibatkan mobilisasi politik secara besar-besaran oleh kedua-dua puak yang terlibat. Walau bagaimanapun, seperti apa yang dijelaskan di atas, pemilihan jawatan timbalannya ini seperti sengaja dipupuk oleh Mahathir dengan tujuan mengukuhkan kuasa dan kedudukannya di dalam parti, tetapi bukan untuk menguatkan ciri demokratik dalam UMNO. Perletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri sebenarnya telah memberi peluang kepada Mahathir untuk memusatkan kuasanya di dalam parti melalui penyingkiran penyokong Musa daripada kabinet dan senarai calon dalam Pilihan raya umum 1986.

Cara Mahathir yang keras dan arbitrari, berkonfrontasi dan bercanggah dengan norma politik Melayu menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin dan ahli UMNO. Ini menyebabkan mereka mengukuhkan barisan puak masing-masing dan akhirnya melancarkan cabaran terbuka terhadapnya. Cabaran Razaleigh terhadap Musa menyebabkan Mahathir bersikap sangsi terhadap beliau dan mengenepikan kuasa Razaleigh di dalam parti secara senyap, termasuk melalui pengubahan peraturan UMNO dengan menghalang pemimpin kebangsaan memegang jawatan di peringkat jawatankuasa negeri. Oleh kerana itu, Razaleigh terpaksa melepaskan jawatannya

sebagai pemimpin UMNO Kelantan walaupun beliau masih memegang jawatan Ketua Bahagian Gua Musang. Selepas Razaleigh gagal dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO, jawatannya sebagai Bendahari UMNO pun diganti oleh Daim. Walau bagaimanapun, beliau masih mempunyai sokongan yang kuat dalam UMNO, selain daripada Kelantan, beliau juga mempunyai sokongan di Terengganu, Perak, Pulau Pinang malah Johor.¹⁶⁴

Pemilihan UMNO: Team A & Team B

Pemilihan UMNO pada April 1987 dilihat sebagai tapak ujian bagi penjawat kini dan pencabar terhadap kepemimpinan masyarakat Melayu. Babak pertandingan kuasa bermula pada Disember 1986 apabila puak Musa mencapai persetujuan untuk membentuk barisan dengan puak Razaleigh, di mana Razaleigh akan mencabar Mahathir untuk jawatan Presiden manakala Musa menentang Ghafar untuk jawatan Timbalan Presiden. Persetujuan ini ditunjukkan dengan lawatan jemputan ke kawasan asal masing-masing, iaitu Musa melawat Gua Musang di Kelantan di mana beliau diberi sambutan ala wira oleh Razaleigh, manakala Razaleigh diterima sebagai tetamu kehormat oleh Musa di Segamat, Johor.

Sebelum pencalonan diadakan, kedua-dua puak penjawat kini dan pencabar bagi dua jawatan tertinggi telahpun mengadakan kempen besar-besaran untuk merebut sokongan daripada 1,500 perwakilan UMNO. Memandangkan perwakilan dipilih oleh para ahli, jadi kempen mereka juga ditumpukan pada ahli-ahli biasa supaya mereka boleh mempengaruhi perwakilan bahagian yang akan mencalon

¹⁶⁴ Ranjit Gill, op.cit., m/s 4-8; Gordon P. Means, op.cit., m/s 200.

kepemimpinan pusat di samping memilih wakil-wakil bahagian ke Perhimpunan Agung UMNO.

Kerisauan Mahathir semakin meningkat sehingga beliau menghendaki pegawai kerajaan tinggi untuk menyatakan sokongan mereka terhadap beliau secara terbuka. Kesemua Menteri Besar Melayu kelihatan memberi sokongan kepada Mahathir kerana mereka harus bergantung kepada beliau untuk mendapat naungan, peruntukan Kerajaan Persekutuan dan pengesahan Kerajaan Persekutuan terhadap jawatan mereka sebagai Menteri Besar.¹⁶⁵

Pendirian Team A Dan Team B

Sebagai permulaan kempen, Musa dan Razaleigh mengumumkan cabaran mereka secara bersama. Media menggelarkan puak Mahathir dan Ghafar sebagai ‘Team A’ dan puak Razaleigh dan Musa sebagai ‘Team B’, yang bermaksud kedua-dua puak mempunyai ideologi mahupun dasar yang lebih kurang sama.

Walau bagaimanapun, terdapatnya perbezaan dari segi isu yang dibangkitkan oleh kedua-dua puak ini. Team A mengheboh-hebohkan kejayaan kemajuan ekonomi yang pesat berlaku di bawah pentadbiran Mahathir dan DEB telah berjaya mencapai objektifnya. Team A berkata bahawa Mahathir hilang populariti di kalangan bukan Melayu kerana terpaksa membuat beberapa keputusan yang sukar demi kebaikan masyarakat Melayu. Mereka turut mendakwa masalah ekonomi yang dihadapi oleh

¹⁶⁵ *New Straits Times*, 27 Februari 1987, m/s 1; *Far Eastern Economic Review*, 26 Februari 1987, m/s 9-10; 12 Mac 1987, m/s 14-15.

negara ketika itu adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia, iaitu satu perkara yang di luar kawalan Mahathir.

Anwar Ibrahim yang berada di barisan hadapan Team A melepaskan jawatan Ketua Pemuda bagi membolehkan beliau bertanding jawatan Naib Presiden UMNO. Beliau memainkan peranan yang agresif dalam kempen pemilihannya. Pada mulanya, Anwar cuba memulihkan perhubungan dengan PAS melalui persahabatannya dengan beberapa pemimpin PAS yang merupakan bekas sahabat karibnya dalam ABIM, dengan tujuan untuk menutupi cabaran yang sengit di dalam UMNO. Bila usaha ini gagal, Anwar pun menekankan kelayakannya dalam Islam dan berjanji akan ‘menyokong kebangkitan semula Islam dan membantah mereka yang membantah ini’, begitu juga dengan Mahathir di mana beliau menekankan ‘nilai Islam’ dan usaha kerajaan untuk menjadi model kerajaan Islam. Selain itu, Team A juga kelihatan mengeksploitasi isu perkauman dan agama untuk mengekalkan populariti mereka dalam UMNO.

Sebaliknya, Razaleigh dan Musa tidak banyak menyentuh tentang isu simbolik Islam, dan mereka menonjolkan sikap yang mementingkan kerjasama antara kaum. Team B menuduh gaya kepimpinan Mahathir bersifat diktator kerana beliau tidak berunding dengan pemimpin UMNO dan BN mengenai kebanyakan dasar yang dijalankan tetapi beliau hanya berbincang dengan segelintir penasihat sahaja. Beliau juga dituduh bertindak tanpa mendapat nasihat daripada pakar yang betul dari segi perancangan ekonomi serta projek mewah.

Selain itu, Team B mendakwa bahawa hanya segelintir orang Melayu yang memperolehi manfaat daripada DEB, iaitu golongan yang rapat dengan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Daim Zainuddin. Golongan yang digelar sebagai ‘kaki’ Daim termasuk: Pengarah Fleet Holdings dan Fleet Group, Mohd Desa Pachi dan Abdullah Mohd. Yusof, Halim Saad, Tajudin Ramli, Wan Azmi Wan Hamzah, Mohd. Razali Mohd Rahman dan sebagainya.¹⁶⁶ Mereka juga mendakwa bahawa rasuah berlaku pada tahap tertinggi dalam kerajaan, terutamanya aktiviti perniagaan Daim Zainuddin, tetapi Mahathir tidak mengambil tindakan untuk menentang korupsi dan rasuah di kalangan sahabat karibnya.

Dalam tahun-tahun 1980an, syarikat pelaburan UMNO, Fleet Group menjadi semakin aktif. Menurut Gomez, keputusan pelaburan UMNO dibuat oleh elit politik, tetapi mereka melantik pemegang amanah daripada elit ekonomi untuk mengetuai syarikat-syarikat tersebut. Pemegang amanah tersebut kemudian melantik orang lain sebagai pengarah dan pengurus untuk mengendalikan perniagaan dalam syarikat kepunyaan UMNO tersebut.¹⁶⁷ Keadaan begini menyebabkan berlakunya kolusi, kronisme dan nepotisme, kerana hanya mereka yang rapat dengan orang yang berkuasa untuk membuat keputusan muktamad dari segi pengagihan sumber ekonomi memperolehi faedah dalam sistem naungan tersebut, khususnya Presiden dan Bendahari UMNO. Rungutan daripada golongan dan puak yang tidak mendapat manfaat meningkat apabila kemelesetan ekonomi melanda Malaysia dalam pertengahan tahun 1980an. Walau bagaimanapun, kedua-dua Team A dan Team B berjanji memberi bantuan yang lebih kepada masyarakat Melayu sekiranya puak mereka diberi sokongan.

¹⁶⁶ Edmund Terence Gomez, *UMNO's Corporate Investments*, Kuala Lumpur: FORUM, 1990, m/s 43-45.

Apabila kempen pemilihan UMNO menjadi semakin hangat, Mahathir pun mengadakan kempen persendirian yang gigih. Beliau berhubung dengan para perwakilan dan mengadakan perhimpunan raksasa. Mahathir menafikan bahawa beliau telah melakukan apa-apa kesalahan dan menuduh mereka yang mencabar kepemimpinan beliau mencabuli tradisi parti, merosakkan perpaduan Melayu dan membahayakan kepentingan masyarakat Melayu.

Selain perhimpunan raksasa, kempen ‘surat layang bawah tanah’ yang membocorkan dokumen kerajaan, dakwaan rasuah dan ketidaktetapan kedua-dua pihak juga dijalankan. Banyak buku dan pita rakaman dikeluarkan oleh kedua-dua puak demi mempengaruhi keputusan perwakilan UMNO yang kurang komited.

Kebanyakan tuduhan yang dibuat oleh Team B adalah merujuk kepada penglibatan Daim dan ‘budak-budaknya’ dalam ekonomi negara, misalnya isu di mana Daim mengaut keuntungan dalam urusniaga penjualan UMBC yang dipunyainya kepada Pernas;¹⁶⁷ cara Mahathir mengurniakan projek penswastaan kepada rakan rapatnya tanpa melalui proses yang betul, seperti menjual loteri yang diuruskan oleh Kementerian Kebajikan kepada Vincent Tan, melantik Eric Chia untuk mengendalikan kilang keluli Perwaja dan sebagainya. Selain itu, Team B juga menuduh Daim mengadakan jual-beli dan pertukaran pegangan syarikat kepunyaan UMNO demi keuntungan sendiri. Dalam surat terbuka yang ditulis oleh Marina Yusoff, beliau menuduh Daim mengakibatkan hutang Fleet Holdings dan anak-anak syarikatnya menjangkau RM448 juta. Salah-laku Daim dan rakan-rakannya juga termasuk mendapat keuntungan tidak kurang daripada RM50 juta melalui pembelian

¹⁶⁷ Edmund Terence Gomez, *UMNO's Corporate Investments*, Kuala Lumpur: FORUM, 1990, m/s 25.

¹⁶⁸ Wawancara dengan Shahrir Abdul Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

saham Faber Merlin dengan harga yang terlalu tinggi, memperolehi keuntungan yang tidak kurang daripada RM70 juta dalam urusniaga Taman Bukit Maluri, Daim mengaut keuntungan tidak kurang daripada RM30 juta daripada transaksi di antara Faber Merlin dengan Subang View Hotel dan sebagainya.¹⁶⁹

Kehangatan kempen pemilihan parti akhirnya menyebabkan tidak ada ahli UMNO yang boleh mengambil pendirian yang neutral, mereka terpaksa memilih samada menyokong Team A ataupun Team B. Perpecahan berlaku di setiap peringkat UMNO.

Momentum Team B Meningkat

Pada tahap akhir kempen pemilihan UMNO, momentum kelihatan lebih berpihak pada Team B. Beberapa menteri kerajaan berpihak kepada Team B secara senyap, mereka termasuk Menteri Luar Negeri, Rais Yatim; Menteri Kebajikan Masyarakat, Shahrir Abdul Samad; Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Radzi Sheikh Ahmad; Timbalan Menteri Tenaga Telekomunikasi dan Pos, Zainal Abidin Zin; Adib Adam dan beberapa bekas menteri dan Menteri Besar.

Beberapa hari sebelum pengundian, Menteri Besar Pahang, Najib Tun Razak yang selama ini mengambil sikap berdiri atas pagar mengumumkan sokongannya kepada Mahathir. Perubahan pendiriannya kelihatan telah mengalah sokongan sesetengah perwakilan Pahang dan juga Pemuda UMNO yang diketuai Najib daripada Team B kepada Team A.

¹⁶⁹ Marina Yusoff, *Masa Untuk Perubahan*, Kuala Lumpur: The Champ Sdn. Bhd., 1990, m/s 13-19.

Pengundian di Perhimpunan Agung April 1987

Selepas kesemua perwakilan tiba di Kuala Lumpur menjelang hari Perhimpunan Agung UMNO yang luar biasa ini, suatu perhimpunan raksaksa Team B yang dihadiri oleh lebih 10 ribu orang diadakan di Hotel Regent, membayangkan sokongan kuat yang dipunyai oleh Team B.

Pada 24 April 1987, selepas Mahathir membuat ucapan perasmianya yang mendapat sambutan hangat daripada penyokongnya, pengundian pun mula diadakan. Pengundian tidak dapat dihabiskan sebelum makan tengah hari kerana kunci kotak undi dicampur-adukkan, hanya 60 peratus perwakilan membuang undi pada pagi tersebut, tetapi pungutan suara selepas pengundian menunjukkan Razaleigh berada di depan. Perwakilan yang belum membuang undi kemudian balik ke Putra World Trade Centre dengan bas di mana mereka dipujuk oleh pengurus kampen Team A. Pengikut Team B kemudian mendakwa para perwakilan ini telah dijanjikan jumlah wang yang banyak sebagai ganjaran menyokong Team A pada waktu itu. Walau bagaimanapun, kesemua dakwaan ini tidak dapat disokong dengan bukti yang kukuh untuk dibentangkan di Mahkamah, tetapi dakwaan tersebut selalu diulangi oleh tokoh Team B di ceramah selepas itu.

Selepas makan tengah hari, para perwakilan dibawa balik ke tempat Perhimpunan Agung untuk membuang undi. Pengundian berakhir pada pukul 4.30 petang. Pengiraan undi pusingan pertama tamat pada 10 malam, tetapi ia diarah untuk dikirakan semula. Kata-kata disebarkan bahawa pemenang tidak rasmi adalah Tengku

Razaleigh. Satu jam kemudian, keputusan diumumkan di mana Mahathir menewaskan Tengku Razaleigh dengan undi 761 kepada 718, manakala Ghafar Baba meumpaskan Musa Hitam dengan undi 739 kepada 699. Selain itu, 16 daripada 25 ahli dalam Majlis Tertinggi adalah daripada Team A manakala Team B hanya mendapat 9 kerusi sahaja.¹⁷⁰ Hanya seorang yang neutral dari segi perpuakan dipilih ke Majlis Tertinggi, iaitu Menteri Penerangan, Tengku Ahmad Rithaudeen.

Dari segi pertandingan jawatan Naib Presiden pula, Menteri Besar Terengganu, Wan Mokhtar Ahmad, seorang penyandang jawatan yang menyokong Mahathir mendapat undi yang terbanyak. Ini diikuti oleh calon Team B dan juga penyandang jawatan, Abdullah Badawi, manakala Anwar hanya mendapat undi yang ketiga tertinggi sahaja. Ada pihak yang menganalisa bahawa para perwakilan menginginkan keseimbangan dalam pemilihan Naib Presiden supaya calon daripada kedua-dua pihak diberi peluang untuk menyertai Majlis Tertinggi.¹⁷¹ Pengumuman keputusan pemilihan merupakan suatu tamparan kepada Team B, mereka mengesyaki terdapatnya penipuan dalam pemilihan tersebut.

Selain itu, perolehan undi di antara Razaleigh dan Musa juga membayangkan perhubungan yang tidak jujur di antara kedua-dua puak tersebut. Perbezaan di antara undi yang diterima oleh Ghafar dan Musa adalah 40 undi, dan sebab Musa kalah adalah kerana beliau menerima 40 undi kosong. Puak Musa mengesyaki ini dilakukan oleh sesetengah penyokong Razaleigh atas sebab yang berlainan. Puak Razaleigh percaya Razaleigh mampu menewaskan Mahathir, mereka berpendapat sekiranya Razaleigh menjadi Presiden UMNO, beliau boleh bekerjasama lebih baik dengan

¹⁷⁰ *New Straits Times*, 24 April 1987, m/s 1-4 dan I-IV; 25 April 1987, m/s 1-5; *Far Eastern Economic Review*, 7 Mei 1987, m/s 12-15.

Ghafar daripada dengan Musa yang pernah berlawan dengan beliau, kerana Razaleigh dan Ghafar adalah sahabat lama dan Ghafar pernah menyokong Razaleigh untuk mencabar Musa.¹⁷²

Walau bagaimanapun, penganalisa politik di luar UMNO menganggap Musa mempunyai peluang kemenangan yang lebih tinggi berbanding dengan pertandingan cabaran Razaleigh terhadap Mahathir, kerana imej Ghafar Baba sebagai pemimpin Melayu ‘gaya lama’ yang berhutang banyak merupakan tokoh yang lebih mudah ditewaskan oleh Team B berbanding dengan Mahathir. Sebenarnya, Musa menggunakan strategi yang bijak dalam kempennya. Walaupun beliau tidak sehaluan dengan Mahathir, beliau tidak mencabar Mahathir sendiri tetapi memilih cara pencabarannya yang lebih senang, iaitu bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden dan membiarkan Razaleigh mencabar Mahathir.¹⁷³ Dalam kempennya, Musa selalu menegaskan bahawa beliau bukan seorang pencabar tetapi hanya mempertahankan jawatan asalnya. Sebab Musa tidak mencabar Mahathir dengan terus juga boleh dianalisa dari segi tradisi UMNO, iaitu Presiden UMNO yang merupakan pemimpin utama masyarakat Melayu haruslah diterima oleh semua tanpa cabaran. Salah satu faktor yang mendorong Hussein Onn meletakkan jawatan adalah kerana beliau dicabar oleh Sulaiman Palestine dalam pemilihan UMNO 1978 dan Sulaiman mendapat lebih kurang 30 peratus sokongan pada masa itu. Jadi, walaupun Mahathir tidak dapat ditewaskan oleh Razaleigh, beliau mungkin terpaksa meletakkan jawatan selepas itu mengikut tradisi UMNO, dengan itu, Musa yang menang sebagai Timbalan

¹⁷¹ *Asiaweek*, 3 Mei 1987, m/s 12-4; 10 Mei, m/s 27-28.

¹⁷² Wawancara dengan Shahrir Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

¹⁷³ Ini dibuktikan oleh pengikut Musa, Shahrir Samad, beliau berkata Musa bertanding kerana beliau berharap kuasa Mahathir boleh dicabar. Kalau Musa tidak bertanding, maka Razaleigh mungkin akan mencabar jawatan lain dalam parti dan Mahathir mungkin tidak dicabar pada akhirnya. Wawancara dengan Shahrir Samad pada 6 Julai 2000 di Kuala Lumpur.

Presiden pun dapat menggantikan Mahathir. Jadi dari segi strategi puak Razaleigh dan puak Musa, ia pun jelas menunjukkan bahawa kerjasama di antara mereka hanyalah ‘perkahwinan demi kesenangan’ (marriage of convenience) sahaja.

Dalam ucapan penutupan Mahathir di Perhimpunan Agung, beliau membidas Team B dengan sekuat-kuatnya, beliau mendakwa mereka telah mencabuli sumpah kesulitan kabinet dan sokongan mereka terhadap kerajaan dan Perlembagaan.

Empat hari selepas pemilihan UMNO, Tengku Razaleigh dan Rais Yatim pun meletakkan jawatan daripada kabinet. Mahathir kelihatan tidak ingin berdamai semula dengan mereka. Beliau menyingkirkan semua penyokong Team B daripada kerajaan, termasuk Menteri Pertahanan Abdullah Badawi, Menteri Kebajikan Masyarakat Shahrir Samad dan menteri di Jabatan Perdana Menteri Abdul Ajib Ahmad. Selain itu, empat timbalan menteri yang menyokong Team B juga dipecat, mereka adalah: Kadir Sheikh Fadzir, Zainal Abidin Zin, Rahmah Othman dan Radzi Sheikh Ahmad.¹⁷⁴

Kebanyakan pemegang jawatan yang dipecat oleh beliau tidak diisikan untuk seketika waktu. Ini pun menunjukkan pemecatan tersebut dilakukan secara terburu-buru dan penuh dendam. Cara penyelesaian tersebut adalah amat berbeza dengan kesemua bekas Presiden UMNO yang selalu menyelesaikan masalah melalui cara musyawarah, tetapi cara Mahathir merupakan cara seorang doktor yang ingin menyingkirkan sel kanser daripada tubuh pesakitnya.

¹⁷⁴ *Asiaweek*, 10 Mei 1987, m/s 27-28.

Dalam rombakan kabinet selepas Perhimpunan Agung UMNO, penyokong Mahathir yang paling setia dan tidak kritikal terhadap beliau dihadiahkan dengan jawatan penting. Beliau menghapuskan Kementerian Wilayah Persekutuan dan meletakkan fungsi kementerian ini dibawah Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, beliau menghidupkan semula Kementerian Kehakiman.¹⁷⁵

3.4 Pembubaran UMNO

Selepas pemilihan UMNO pada 25 Jun 1987, 12 ahli daripada Team B telah membawa kes mereka ke Mahkamah Tinggi untuk mendapat perintah Mahkamah membatalkan keputusan pemilihan UMNO tersebut. Mereka mendakwa bahawa 78 daripada 1,479 perwakilan UMNO adalah tidak sah, terdapat penipuan dalam pengundian dan dokumen yang telah ‘diubahsuai’. 12 plaintif ini mendakwa bahawa tiga puluh cawangan yang tidak didaftar mewakili empat Bahagian parti yang telah menghantar 44 wakil ke Perhimpunan Agung. Mereka mendakwa pemilihan pada tahap Bahagian dan Perhimpunan Agung adalah tidak sah kerana cawangan-cawangan tersebut adalah tidak sah.

Walaupun Razaleigh bukan salah seorang plaintif, tetapi beliau dipercayai adalah orang yang membayai perbelanjaan guaman tersebut. Salah seorang plaintif menarik diri daripada kumpulan pendakwaan tersebut dalam Ogos 1987. Apabila kes Mahkamah didengar semula pada akhir Januari 1988, 11 penentang ini mendakwa bahawa keputusan pemilihan telah dipengaruhi oleh perwakilan yang tidak sah. Mereka mendakwa bahawa kemenangan Mahathir dengan 43 undi menunjukkan

¹⁷⁵ *Far Eastern Economic Review*, 28 Mei 1987, m/s 44.

pertukaran 22 perwakilan sahaja akan dapat menumbangkan Presiden parti itu. Plaintiff memohon Mahkamah untuk mengeluarkan perintah menghendaki UMNO mengadakan pemilihan perwakilan parti dan Perhimpunan Agung parti yang baru.¹⁷⁶

Pada tahap awalnya, Mahkamah menyeru kedua-dua pihak menyelesaikan di luar Mahkamah, tetapi usaha hakim gagal kerana penyandang jawatan dalam UMNO (defendant) enggan berkompromi terhadap keesahan pemilihan parti, dan plaintiff tidak ingin membuang kes mereka tanpa mendapat apa-apa janjian bahawa penyokong mereka tidak akan disingkir daripada parti dan jawatan kerajaan. Dengan itu kes tersebut pun dibicarakan di Mahkamah.

Pada 4 Februari 1987, Hakim Harun Hashim di Mahkamah Tinggi membuat suatu keputusan yang mengejutkan. Beliau membuang suit guaman UMNO 11 dan mengumumkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah berdasarkan Akta Pertubuhan 1966 kerana terbuktinya terdapat 30 cawangan yang tidak berdaftar dalam parti.¹⁷⁷ Keputusan ini membuktikan bahawa pemilihan UMNO yang dipersoalkan itu melibatkan penipuan.¹⁷⁸

Setelah pengharaman UMNO diumumkan, Mahathir berkata bahawa keputusan tersebut adalah berasaskan masalah teknikal kecil yang mana dapat diperbetulkan dengan mudahnya. Beliau juga menegaskan bahawa autoriti beliau dan kerajaan adalah daripada Parlimen, dan keputusan tersebut tidak mempengaruhi kuasa dan

¹⁷⁶ *Asiaweek*, 19 Februari 1988, m/s 8-10.

¹⁷⁷ Akta Pertubuhan 1966 yang dipinda dalam tahun 1983 memperuntukkan syarat yang ketat terhadap semua pertubuhan, dan mengkehendaki mereka dikawal rapi oleh Pendaftar Pertubuhan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Dalam artikel 41 dalam akta asal tersebut, sesbuah pertubuhan akan menjadi 'pertubuhan yang tidak sah' sekiranya suatu cawangannya tidak didaftar dengan Pendaftar Pertubuhan. Baca: Gurmit Singh K. S., 'Malaysian Societies: Friendly or Political?', Appendix I, m/s 60; Gordon P. Means, op.cit., m/s 218.

¹⁷⁸ *New Straits Times*, 5 Februari 1988, m/s 1-2.

authoriti kerajaannya. Mahathir mengingatkan pengkritiknya bahawa mereka hanya boleh memecatkan beliau dan kuasa kerajaan beliau melalui undi tidak percaya di Parlimen.

Oleh kerana keputusan Mahkamah tidak mengatakan pihak mana yang membenarkan perwakilan ‘tidak sah’ dalam Perhimpunan Agung UMNO, dengan itu, isu tersebut pun diketepikan oleh kerajaan dan semua komentar media yang dikawal oleh kerajaan.

Selepas keputusan Mahkamah yang mengumumkan UMNO sebagai parti politik yang tidak sah, Tunku Abdul Rahman merupakan orang pertama yang menyeru Mahathir meletakkan jawatan. Selepas itu, Tunku menubuhkan sebuah jawatankuasa sementara untuk mendirikan parti ‘beliau’ semula dengan nama baru ‘UMNO Malaysia’.¹⁷⁹ Walaupun Tengku Razaleigh tidak berada dalam jawatankuasa ini, beliau kelihatan berhubung rapat dengan Tunku dan menyokong tindakannya. Permohonan untuk menubuhkan ‘UMNO Malaysia’ ditolak tanpa alasan oleh Pendaftar Pertubuhan yang terletak di Kementerian Dalam Negeri di bawah bidang kuasa Mahathir.

Seminggu selepas permohonan ‘UMNO Malaysia’ ditolak, Mahathir mengumumkan permohonan pendaftaran partinya, Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) ataupun UMNO Baru diluluskan. Selepas itu, hampir setiap pengumuman dan keputusan politik UMNO Baru menunjukkan bahawa parti baru tersebut dibentuk untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasa Mahathir. Penyokong Team B UMNO

¹⁷⁹ Mesyuarat pertama jawatankuasa tersebut diadakan semasa perayaan harijadi Tunku pada 8 Februari di Pulau Pinang. Pengaturan jawatankuasa UMNO Baru ini dijalankan dengan cepat dan dalam keadaan yang informal, sehingga Tun Hussein Onn yang dipilih sebagai Timbalan Presiden juga tidak sedar tentang perlantikannya pada mulanya.

tidak dimasukkan dalam parti kecuali beberapa individu yang kurang penting dalam Team B ataupun pembelot Team B.

Di samping itu, proses penyingkiran terhadap penyokong Team B diteruskan. Penyingkiran malah termasuk perlantikan penghulu kampong, imam dan jawatan yang rendah dalam perkhidmatan kerajaan Persekutuan dan negeri. Tindakan tersebut pun mendalamkan keretakan dalam masyarakat Melayu tetapi sebaliknya menguatkan hubungan di antara bekas pemimpin Team B dengan penyokong mereka.

Selepas UMNO Baru didaftarkan, Pendaftar Pertubuhan mengeluarkan suatu perintah membenarkan semua bekas penjawat UMNO lama memegang jawatan semula di dalam UMNO Baru. Ini pun mengatasi masalah dalam Akta Pertubuhan yang menegah ahli daripada pertubuhan yang terbubar daripada memegang jawatan dalam pertubuhan yang lain.

Dalam proses perlantikan semula Ketua Bahagian UMNO, 24 bekas Ketua Bahagian dibuang kerana kesetiaan yang disangsi. Borang pendaftaran diedarkan kepada bekas ahli yang terpilih dan boleh dipercayai untuk menukuhan semula cawangan UMNO Baru. Kesemua permohonan keahlian diperiksa oleh Majlis Tertinggi UMNO. Mahathir berkata mereka yang terlibat dengan guaman menentang parti ataupun mereka yang boleh ‘merosakkan tindakan untuk memulihkan parti’ akan ditolak daripada parti. Beliau juga mengumumkan bahawa Razaleigh tidak dibenarkan menyertai UMNO Baru jika beliau memohon .

Pemimpin atasan UMNO Baru berusaha lebih daripada setengah tahun untuk membina semula parti itu dan mengeluarkan aset daripada UMNO Lama. Suatu undang-undang diluluskan di Parlimen untuk membenarkan pemindahan semua aset persatuan selagi setengah daripada jumlah ahli UMNO lama menjadi ahli UMNO Baru. Peruntukan ini memudahkan UMNO Baru untuk menyerap semula ahli daripada parti lama dan menguatkan keesahan parti itu. Pindaan ini juga mencegah sumber parti daripada terjatuh dalam tangan pencabarnya.

Perlembagaan Baru UMNO Baru

Suatu perlembagaan baru untuk UMNO Baru kemudian digubal dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Perlembagaan baru itu kelihatan bertujuan untuk mengukuhkan kuasa dan kedudukan Mahathir di dalam parti. Selain daripada memberi kuasa kepadaanya untuk melantik Ketua Pemuda UMNO dan Ketua Wanita UMNO, Perlembagaan UMNO Baru juga memberi 10 undi bonus kepada setiap pencalonan Presiden dan Timbalan Presiden. Pindaan peraturan ini jelasnya adalah demi menguatkan kedudukan penyandang jawatan daripada menghadapi cabaran. Dalam pemilihan UMNO April 1987, Mahathir mendapat lebih pencalonan berbanding dengan Razaleigh tetapi beliau hampir gagal kepadanya kerana bilangan pencalonan daripada bahagian tidak menunjukkan sokongan sebenar daripada perwakilan.

Mahathir menjelaskan sistem undi bonus ini adalah untuk ‘memelihara persetujuan majoriti ahli akar umbi’, manakala Ghafar Baba pula mengatakan pindaan ini adalah untuk mengekalkan ‘kestabilan politik yang akan memanfaatkan rakyat’.¹⁸⁰ Dalam

¹⁸⁰ New Straits Times, 13 September 1988, m/s 1.

Perhimpunan Agung UMNO Baru pertama, Ghafar Baba menafikan bahawa sistem 10 undi bonus bagi setiap pencalonan untuk dua jawatan tertinggi adalah demi memastikan Mahathir dapatkekalkan kuasa secara tidak dicabar. Beliau menjelaskan bahawa bilangan pencalonan maksimum daripada bahagian adalah 133, yang mana hanya membawa 1,330 undi sahaja, tetapi masih terdapat lebih kurang 1,500 undi dalam tangan para perwakilan.¹⁸¹ Kesemua perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO Baru yang pertama adalah dipilih oleh parti secara sementara. Perlembagaan baru untuk UMNO Baru diluluskan tanpa bantahan dan hanya beberapa isu polisi awam dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung tersebut.

Peringkat perpuakan dalam UMNO dalam peringkat pertama era Mahathir ini menunjukkan bahawa kuasa Mahathir telahpun menghadapi cabaran beberapa tahun selepas beliau menerajui kepemimpinan parti dan negara. Penggunaan politik wang yang berlaku dalam kedua-dua pemilihan parti merupakan hasil daripada penceburan UMNO dalam perniagaan dan perubahan latar-belakang pendidikan dan ekonomi para perwakilan. Memandangkan para pemegang jawatan tinggi dalam UMNO juga merupakan pemegang jawatan kerajaan, mereka pun menyalahgunakan kuasa mereka dengan memberi manfaat kepada penyokong mereka sebagai ganjaran untuk mendapat sokongan terhadap kedudukan mereka di dalam parti, iaitu bermulanya praktis patron-klientelisme.

Selain itu, perpuakan UMNO dalam peringkat ini juga berkaitan dengan perkembangan politik negara, misalnya isu pindaan Perlembagaan Persekutuan dan dasar ekonomi negara. Ketidak-sesalan di antara Mahathir dengan pemimpin lain

¹⁸¹ *New Straits Times*, 29 Oktober 1988, m/s 2.

dari segi cara menangani pelbagai isu dan dasar negara juga telah menyumbang kepada cabaran sengit terhadap Mahathir dalam partinya. Akhirnya, hasil daripada pertandingan kuasa yang sengit pun menyebabkan parti itu dibubarkan oleh Mahkamah.